A

VIJAY SUPRAMANIAM lwn. PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, TAIPING
ASMADI HUSSIN PK
[RAYUAN JENAYAH NO: 41S-08-11-2016]
1 JULAI 2017

B

PROSEDUR JENAYAH: *Pertuduhan – Merangka butiran – Pertuduhan bawah s. 63(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 ('APJ') – Dakwaan bahawa tertuduh gagal mematuhi arahan timbang – Sama ada pertuduhan dirangka menepati kehendak s. 63(1) – Penggunaan perkataan yang tidak ditakrif dalam APJ – Sama ada menjadikan pertuduhan tidak berasas dan tidak dikenali bawah s. 63(1) – Sama ada pertuduhan cacat – Sama ada kecacatan menjejaskan teras kesalahan yang dipertuduh terhadap tertuduh – Sama ada sabitan dan hukuman berasaskan pertuduhan cacat perlu diakas*

C

D

LALU LINTAS JALAN: *Lebih muatan – Membawa muatan dengan berat berlebihan dalam lori – Pertuduhan bawah s. 63(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 ('APJ') – Dakwaan bahawa tertuduh gagal mematuhi arahan timbang – Sama ada pertuduhan dirangka menepati kehendak s. 63(1) APJ – Sama ada pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh*

E

PERKATAAN & ISTILAH: *'enggan' atau 'gagal' – Akta Pengangkutan Jalan 1987, s. 63(1) – Definisi – Penukaran daripada perkataan 'enggan' kepada 'gagal' dalam pertuduhan – Sama ada mengubah peruntukan statut – Sama ada menjadikan pertuduhan tidak berasas*

F

Perayu merayu terhadap keseluruhan keputusan Majistret mensabitkan perayu atas satu pertuduhan bawah s. 63(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 ('APJ') dan menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM10,000, jika gagal bayar dipenjara selama tiga bulan. Kes pendakwaan adalah bahawa, mensyaki perayu membawa muatan melebihi had yang dibenarkan undang-undang dalam motolorinya, pegawai-pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan (SP1 dan SP2) mengeluarkan notis arah timbang ('eks P2'). Perayu dikehendaki menimbang motolori itu di Stesen Penguatkuasa Kuala Kangsar. Walau bagaimanapun perayu memaklumkan SP1 bahawa motolori itu rosak dan tidak boleh dibawa untuk ditimbang sebagaimana yang diarahkan. Dengan itu, perayu diarahkan menghantar motolori itu untuk ditimbang di tempat yang diarahkan selepas ia dibaiki. Oleh sebab motolori gagal dibawa ke Stesen Penguatkuasa Kuala Kangsar, satu saman dikeluarkan terhadap perayu. Di akhir kes pendakwaan, Majistret mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes *prima facie* dan mengarahkan perayu membela diri. Pembelaan perayu, antara lain, adalah bahawa motolorinya mengalami kerosakan dan dengan itu tidak boleh dibawa untuk ditimbang. Alasan tunggal yang diberikan oleh Majistret dalam memutuskan bahawa pihak

G

H

I

pembelaan gagal menimbulkan sebarang keraguan munasabah ke atas kes pihak pendakwaan tertumpu pada persoalan sama ada motolori itu mengalami kerosakan atau tidak semasa diminta menjalani arahan timbang.

Diputuskan (membenarkan rayuan; mengakas sabitan dan hukuman; melepaskan dan membebaskan perayu daripada pertuduhan):

(1) Sebelum mahkamah mempertimbangkan sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes *prima facie*, adalah perlu untuk mahkamah memastikan sama ada pertuduhan yang dirangka terhadap perayu menepati kehendak s. 63(1) APJ. Pertuduhan ke atas perayu menyatakan, antara lain, '... telah menggunakan kenderaan tersebut di atas jalan raya dengan gagal mematuhi notis arahan timbang ...'. Perkataan yang digunakan dalam pertuduhan ke atas perayu tidak mematuhi kehendak peruntukan s. 63(1) APJ yang menjadikan suatu kesalahan sekiranya orang yang mengendalikan suatu kenderaan diarahkan untuk menjalani timbangan 'enggan/refuses' atau 'cuai/neglects' mematuhi notis yang dikeluarkan. (perenggan 33, 34 & 36)

(2) Perkataan 'enggan/refuses' dan 'gagal/fail' tidak ditakrifkan dalam APJ. Kedua-dua perkataan tersebut membawa pengertian berbeza dalam undang-undang dan tidak boleh digunakan secara tukar ganti. Definisi perkataan 'gagal' ialah terdapat usaha dibuat untuk melakukan sesuatu tindakan sebelum usaha itu menjadi tidak berhasil, sementara 'enggan' bermaksud dari awal lagi seseorang yang dikehendaki atau diminta melakukan sesuatu perbuatan langsung tidak mahu melakukan apa yang diarahkan atau ditawarkan. Oleh itu, tindakan pihak pendakwaan menukar ganti perkataan yang digunakan bawah s. 63(1) APJ daripada 'enggan' kepada 'gagal' mengubah peruntukan statut menjadikan pertuduhan yang dirangka terhadap perayu tidak berasas serta langsung tidak dikenali bawah s. 63(1) APJ. (perenggan 38, 41 & 42)

(3) Kecacatan pertuduhan yang dirangka menjurus pada teras kesalahan yang dikatakan dilakukan perayu di mana perayu dipertuduh atas kesalahan yang tidak wujud. Pertuduhan tersebut merupakan suatu 'nullity' yang mewajarkan sabitan dan hukuman yang dikenakan terhadap perayu diakaskan. (perenggan 43)

(4) Ekshibit P2 menunjukkan perayu diminta menghantar motolori itu untuk ditimbang pada jam 12 malam, 3 September 2015, sedangkan perayu diberikan notis arahan timbang pada jam 11 malam hari yang sama. Memandangkan fakta bahawa pukul 12 tengah malam adalah bermulanya hari baru, ini bermakna perayu diminta menghantar motolori untuk ditimbang pada masa yang telah berlalu. Mustahil bagi perayu mematuhi arahan itu dan dengan itu eks. P2 bukan suatu notis

yang sah bawah s. 63(1) APJ. Ternyata pihak pendakwaan gagal membuktikan satu kes *prima facie* terhadap perayu dan perayu tidak sepatutnya dipanggil membela diri. (perenggan 44-46)

Kes-kes yang dirujuk:
C Mohammad v. PP [1973] 1 LNS 9 HC ***(dirujuk)***
Chee Chi Tiam v. PP [1981] CLJ 88; [1981] CLJ (Rep) 115 HC ***(dirujuk)***
Chong Chee Pak v. PP [1948] 1 LNS 94 ***(dirujuk)***
Dato' Yap Peng v. PP [1993] 2 CLJ 181 HC ***(dirujuk)***
Gooi Loo Seng v. PP [1993] 3 CLJ 1 SC ***(dirujuk)***
Hairani Sulong v. PP [1993] 2 CLJ 79 HC ***(dirujuk)***
Khoo Boo Gong v. William Manson-Hing [1949-1949] Supp MLJ 27 ***(dirujuk)***
Lim Hock Boon v. PP [2007] 4 CLJ 114 CA ***(dirujuk)***
Lim Kheak Teong v. PP [1984] 2 CLJ 219; [1984] 1 CLJ (Rep) 207 FC ***(dirujuk)***
Lim Pah Soon v. PP [2013] 8 CLJ 800 CA ***(dirujuk)***
Mohd Johi Said & Anor v. PP [2005] 1 CLJ 389 CA ***(dirujuk)***
P'ng Hun Sun v. Dato' Yip Yee Foo [2013] 1 LNS 320 CA ***(dirujuk)***
PP v. Abang Abdul Rahman [1981] 1 LNS 169 ***(dirujuk)***
PP v. Kon Chiang Fatt [2003] 8 CLJ 572 HC ***(dirujuk)***
PP v. Lee Pak [1937] 1 LNS 48 HC ***(dirujuk)***
Tan Boon Hock v. PP [1978] 1 LNS 194 FC ***(dirujuk)***
Wong Swee Chin v. PP [1980] 1 LNS 138 FC ***(dirujuk)***
Yusri Pialmi v. PP [2010] 6 CLJ 878 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Road Transport Act 1987, s. 63(1)

Sumber-sumber yang dirujuk:
Black's Law Dictionary, 7th edn, s. 613
The Law Lexicon, The Encyclopaedia Law Dictionary with Legal Maxims, Latin Terms, Words, & Phrases, 2nd edn (Extensively Revised and Enlarged) Reprint 2010, ms 1636

Bagi pihak perayu - Balakrishna Balaravi Pillai; T/n Krish Mano & Assocs
Bagi pihak pendakwaan - Hasyutantee Khalil; TPR

[Nota Pengarang: Rayuan dari Mahkamah Magistret, Kuala Kangsar; Kes Saman No: 86JPJ-1756-12-2015.]

Dilaporkan oleh S Barathi

PENGHAKIMAN

Asmadi Hussin PK:

[1] Ini adalah rayuan perayu terhadap keputusan Puan Majistret, Mahkamah Majistret Kuala Kangsar (Puan Majistret terpelajar) yang diberikan pada 9 November 2016 di mana Puan Majistret terpelajar telah mensabitkan perayu dengan satu pertuduhan di bawah s. 63(1) Akta

Pengangkutan Jalan 1987 (APJ) selepas perbicaraan penuh. Perayu telah dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM10,000, jika gagal bayar dipenjara selama tempoh tiga bulan.

[2] Perayu merayu terhadap keseluruhan keputusan Puan Majistret terpelajar berkait sabitan dan hukuman.

[3] Di Mahkamah Majistret, pertuduhan yang dirangka terhadap perayu adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 03/09/2015 lebih kurang jam 12:00am di STESEN PENGUATKUASA KUALA KANGSAR NEGERI PERAK sebagai pemandu penggerak utama nombor pendaftaran AGA 9383 telah menggunakan kenderaan tersebut di atas jalanraya dengan **gagal mematuhi arahan timbang**. Oleh itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 63(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 63(1) akta yang sama.
>
> (penekanan ditambah)

[4] Kes pihak pendakwaan boleh diikhtisar seperti berikut. Pada hari kejadian, iaitu pada seputar jam 11 malam 3 September 2015 Maswairy bin Mahmud, (SP1) seorang Pembantu Penguatkuasa (PP) Kanan, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Cawangan Taiping telah mengetuai satu operasi yang dikenali sebagai Ops Lebih Muatan di sekitar Lebuh Raya Utara Selatan (PLUS Highway) dari Tol Changkat Jering hingga ke Tol Kamunting Utara. Dua orang lagi pegawai JPJ yang bersama SP1 di dalam operasi itu ialah PP Mohd Bukhori bin Mohd Din (SP3) dan PP Khairul Hafiz bin Yahya (SP2).

[5] Pada malam itu, semasa menghampiri susur keluar Tol Kamunting, SP1 melihat sebuah motolori penggerak utama bernombor pendaftaran AGA 9383 dengan treler T/A 5730 (motolori itu) telah berhenti di lorong kecemasan.

[6] Selanjutnya, SP1 bersama pasukannya telah menjalankan pemeriksaan ke atas motolori itu. Pemandu motolori itu adalah seorang lelaki India, iaitu perayu.

[7] Pemeriksaan SP1 mendapati motolori itu membawa muatan besi. SP1 mengesyaki muatan yang dibawa oleh perayu di atas motolori itu melebihi had yang dibenarkan oleh undang-undang.

[8] SP1 mengarahkan SP2 mengeluarkan notis arah timbang (eks. P2) (notis tersebut). Perayu dikehendaki menimbang motolori itu di Stesen Penguatkuasa Kuala Kangsar. SP1 seterusnya menyatakan bahawa perayu faham isi kandung notis tersebut. Perayu telah menurunkan tandatangannya di atas notis tersebut.

[9] Berikut diperturunkan kandungan matan eks. P2:

(Logo JPJ) No Siri: A 444573
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN
MALAYSIA

Arahan di Bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987
Seksyen 61(1) - Arah Periksa Kenderaan
Seksyen 63(1) - Arah Menimbang Kenderaan

Kepada:

Vijay a/l Supramaniam	B2, D, E
No. 39, Jalan 23	3/11/17
Tmn Sg Mas	GDL
34000 Taiping	13/11/15

Tuan/Puan,

Saya Pegawai Pengangkutan Jalan Malaysia, dengan ini menghendaki tuan/puan membawa kenderaan no. AGA 9383 untuk tujuan berikut:

i. Pemeriksaan kenderaan di bawah Seksyen 61(1) APJ 1987 ☐

ii. Menimbang kenderaan di bawah Seksyen 63(1) APJ 1987 ☒

Pada 3/9/15 Masa 12 mlm Tempat S.P K Kangsar

2. Sekiranya tuan/puan gagal mematuhi arahan ini, tindakan undang-undang akan diambil ke atas puan.

(t.t)

Pegawai Pengangkutan Jalan
Jabatan Pengangkutan Jalan
Negeri

Diserahkan kepada: SDA
(Nama Penerima)

No. Kad Pengenalan: 81111-07-5711

Tempat: TOL Kamunting

Tarikh: 3/9/15 Masa: 11.00 malam (t.t)

Tandatangan Penerima

(penekanan ditambah)

[10] Tidak lama selepas eks. P2 dikeluarkan, perayu telah hadir berjumpa SP1 di Pejabat JPJ Cawangan Taiping. Di dalam pertemuan dengan SP1 itu perayu memaklumkan bahawa motolori itu rosak. Atas alasan itu, perayu menyatakan dia tidak dapat membawa motolori itu untuk ditimbang

sebagaimana arahan yang dikeluarkan. Sebagai menjawab aduan perayu itu, SP1 menyatakan bahawa perayu boleh menghantar motolori itu untuk ditimbang di tempat yang diarahkan selepas ianya dibaiki.

[11] Mohd Shahizan bin Ahmad (SP4), Pembantu Operasi Tol Kamunting di dalam keterangannya menyatakan antara lain tugasnya ialah memastikan kelancaran trafik di plaza tol dengan melihat rakaman kamera litar tertutup (CCTV). Semasa pemeriksaan utama SP4 telah dirujuk dengan tiga keping gambar yang menunjukkan sebuah motolori berjalan dengan baik dan membuat bayaran di Plaza Tol Kamunting. Namun, gambar-gambar yang dirujuk serta rakaman CCTV tidak dikemukakan sebagai ekshibit di mahkamah. Di dalam keterangannya juga SP4 berpendapat motolori di dalam gambar-gambar itu tidak rosak kerana motolori itu berjaya bergerak hampir 500 meter daripada tempat ia berhenti hingga ke pintu tol untuk membuat bayaran.

[12] Lantaran motolori itu gagal dibawa ke Stesen Penguatkuasa Kuala Kangsar seperti yang diarahkan, pada 14 September 2015 Fatin Nazlia bt Abd Azid (SP5) yang bertugas di Unit Urusetia JPJ Cawangan Taiping telah mengeluarkan satu saman (eks. P3) terhadap perayu mengarahkan perayu hadir ke Mahkamah Majistret Kuala Kangsar pada tarikh 17 Disember 2015 jam 8 pagi bagi menghadapi satu pertuduhan di bawah s. 63(1) APJ.

[13] Di akhir kes pendakwaan, Puan Majistret terpelajar telah mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes *prima facie* dan mengarahkan perayu dipanggil membela diri.

[14] Perayu (SD1) memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah di kotak saksi. Dia turut memanggil dua orang saksi yang lain, iaitu Sivakumar a/l M Sinalingam (SD2) dan Lingeswaran a/l Thangamani (SD3). SD2 ialah pemandu lori tunda (tow truck) yang dikatakan telah membawa motolori itu ke bengkel SD3 untuk diperbaiki.

[15] Di dalam pembelaannya, perayu mendakwa bahawa motolori itu mula mengalami kerosakan clutch di Bukit Bandar Baru. Tambah perayu lagi, dia terpaksa memberhentikan motolori itu sebanyak tiga atau empat kali bagi melaras clutch. Perayu telah menghubungi foreman untuk memberitahu masalah yang dihadapinya. Dia terpaksa meneruskan perjalanan secara perlahan dengan tujuan untuk membawa motolori itu ke bengkel.

[16] Apabila menghampiri Plaza Tol Kamunting, motolori itu tidak dapat lagi bergerak. Dengan menggunakan spanar perayu cuba melaras clutch sebagaimana yang dilakukan sebelum itu. Kononnya, ketika dia sedang berbaring di bawah motolori itu datang sepasukan pegawai JPJ daripada belakang motolori itu yang diketuai oleh SP1. SP1 telah meminta lesen memandunya. Perayu mendakwa bila ditanya oleh SP1 kenapa dia memberhentikan motolori itu di situ, dia menjawab motolori itu mengalami kerosakan. SP1 enggan mendengar penjelasannya. SP1 terus mengarahkan notis arah timbang dikeluarkan.

[17] Seterusnya, SP1 telah naik ke dalam motolori itu. SP1 telah ambil satu delivery order yang tidak ada kena mengena dengan muatan yang dibawa pada malam itu.

[18] Menurut perayu lagi, dia terpaksa menerima eks. P2 bagi mengelak disaman seterusnya dengan kesalahan lain atas kegagalan menerima notis yang dikeluarkan. Perayu cuba menjelaskan kepada pasukan JPJ di dalam keadaan motolori itu mengalami kerosakan adalah mustahil untuk dia memandu ke Stesen Penguatkuasa Kuala Kangsar yang jauhnya 41km dari tempat itu. Penjelasannya tidak diendahkan.

[19] Setelah pasukan JPJ itu pergi, perayu memandu motolori itu secara perlahan-lahan melepasi Tol Kamunting. Dia mendakwa dengan berbuat demikian dia dapat mengelak daripada dikenakan caj yang lebih mahal sekiranya tow truck datang menunda motolori itu di lebuh raya. Selepas berjaya keluar dari lebuh raya PLUS, perayu memberhentikan motolori itu kurang lebih 100 meter dari plaza tol menghala ke Simpang.

[20] Perayu menyatakan dia menghubungi SD3 untuk datang memeriksa motolori itu. Tidak lama kemudian, SD3 datang ke tempat dia memberhentikan motolori itu. SD3 memberitahu perayu motolori itu terpaksa dibawa ke bengkel untuk dibaiki. Dengan bantuan SD3, perayu telah pergi ke pejabat JPJ Cawangan Taiping.

[21] Sekitar jam 12.30 pagi 4 September 2015, perayu telah bertemu dengan SP1. Perayu meminta jasa baik SP1 untuk menimbang motolori itu di JPJ Cawangan Taiping dengan menggunakan penimbang bergerak. Permintaan perayu ditolak SP1. Pada perayu, keengganan SP1 membantunya bermakna SP1 memaksanya melakukan kesalahan yang dipertuduhkan ke atasnya.

[22] Bila SP1 menolak permintaannya, perayu terus ke Balai Polis Simpang untuk membuat satu laporan polis (eks. D5) pada jam 12.31 pagi.

[23] Menurut SD2 pada kurang lebih jam 1 pagi 4 September 2015, dia menerima panggilan telefon dari perayu memintanya datang menunda motolori perayu. Memandangkan ketika itu waktu telah lewat, SD2 memberitahu perayu yang dia akan menunda motolori itu antara jam 9 hingga 10 pagi.

[24] SD2 menyatakan dia telah menunda motolori itu ke bengkel SD3 yang terletak di Jalan Matang, Simpang, Taiping. SD2 mengenakan caj sebanyak RM550 bagi perkhidmatannya.

[25] Di bengkelnya, SD3 telah melakukan pemeriksaan ke atas motolori itu untuk mengenal pasti pembaikan yang perlu dilakukan. SD3 telah mengeluarkan satu resit berjumlah RM7,306 bertarikh 4 September 2015, meskipun ketika itu pembaikan belum dibuat.

[26] Menurut SD3, dia mengambil masa selama dua minggu untuk membaiki kerosakan motolori itu. Tambah SD3 lagi, semasa dia mengeluarkan resit bayaran pada 4 September 2015, perayu membuat sedikit bayaran sahaja. Berapakah jumlah bayaran yang dibuat oleh perayu ketika itu tidak dinyatakan. Selanjutnya, SD3 memberitahu mahkamah bahawa muatan di dalam motolori itu dipindahkan ke sebuah motolori lain seminggu selepas motolori itu dihantar ke bengkelnya.

[27] Di akhir kes pembelaan, Puan Majistret terpelajar menolak pembelaan perayu. Antara lain, Puan Majistret terpelajar memutuskan bahawa motolori itu tidak mengalami apa-apa kerosakan pada masa eks. P2 dikeluarkan.

[28] Di dalam menyokong dapatannya itu Puan Majistret menyatakan seperti berikut:

> [39] Mahkamah meragui keterangan SD1, kerana lazimnya bayaran dikeluarkan setelah kesemua kerja pembaikan telah selesai dilakukan, dan sekiranya terdapat bayaran deposit dilakukan maka akan ditulis di dalam resit tersebut baki bayaran yang perlu dijelaskan. Jika dihalusi resit bayaran tersebut menunjukkan resit bayaran harga sepenuhnya bertarikh 4.9.2015.
>
> [40] Oleh yang demikian Mahkamah putuskan bahawa lori tersebut tidak rosak, penyataan yang dibuat oleh SD1 adalah penyataan kosong dan tidak bermerit.
>
> [41] Selanjutnya keterangan SD3 (Lingeswaran), mekanik yang membaiki lori tersebut, SD3 menyatakan kerosakan-kerosakan yang di alami dan dinyatakan bahawa akibat kerosakkan-kerosakan tersebut maka kenderaan itu tidak boleh bergerak melalui bukit yang tinggi dengan mudah.
>
> [42] Mahkamah bersetuju dengan hujahan pihak pendakwaan yang bijaksana bahawa sekiranya benar kenderaan tersebut rosak, sepanjang perjalanan dari Bukit Bandar Baru sehingga ke Plaza Tol Kamunting, seharusnya tindakan yang diambil oleh SD1 adalah menghubungi terus pihak PLUS, ini adalah bagi mengelakkan daripada apa-apa kemalangan berlaku dan boleh membahayakan keselamatan pengguna Lebuhraya yang lain.
>
> [43] Umum sedia maklum bahawa kenderaan yang membawa lebih muatan daripada yang dibenarkan adalah membahayakan keselamatan kepada pengguna jalanraya yang lain.

[29] Jelas sekali alasan tunggal yang diberikan oleh Puan Majistret di dalam memutuskan bahawa pihak pembelaan gagal menimbulkan sebarang keraguan munasabah ke atas kes pihak pendakwaan tertumpu kepada persoalan sama ada motolori itu mengalami kerosakan atau tidak semasa diminta menjalani arahan timbang.

[30] Semasa di Mahkamah Majistret dan hujahan di hadapan saya, peguam bela terpelajar bertikai bahawa perayu tidak sama sekali enggan membawa motolori itu untuk menjalani timbangan berat muatan. Dihujahkan selanjutnya bahawa kesalahan di bawah s. 63(1) APJ bukan suatu kesalahan

berupa tanggungan ketat (strict liability). Pada hujahan peguam bela terpelajar, jika ada alasan yang sah kenapa notis arah timbang gagal dipatuhi, sebagai contoh seperti di dalam kes ini, di mana motolori itu mengalami kerosakan, maka tiada kesalahan dilakukan. Peguam bela yang bijaksana berhujah lagi di dalam kes ini, keterangan perayu disokong oleh keterangan SD2 dan SD3. Dihujahkan selanjutnya bahawa keterangan SD2 dan SD3 semasa pemeriksaan utama gagal dicabar oleh pihak pendakwaan dalam pemeriksaan balas. Oleh itu keterangan kedua-dua saksi itu dianggap diterima dan diakui oleh pihak pendakwaan. Kes-kes *Wong Swee Chin v. PP* [1980] 1 LNS 138; dan *Yusri Pialmi v. PP* [2010] 6 CLJ 878 dirujuk sebagai nas bagi menguatkan hujahan tersebut.

[31] SP1 di dalam keterangannya semasa pemeriksaan semula oleh Timbalan Pendakwa Raya ada menyatakan seperti berikut:

> S: Tadi kamu juga mengaku, pemandu telah datang berjumpa kamu, apakah yang dia bagi tahu kamu?
>
> J: Lori dia rosak.
>
> S: Selepas kata lori rosak, apa yang anda bagitahu kepada dia?
>
> J: Saya bagi tahu setelah repair lori tersebut, terus bawa lori tersebut ke stesen penguatkuasa untuk ditimbang.

[32] Keterangan di atas menunjukkan bahawa perayu telah diberi peluang untuk memperbaiki dahulu motolori itu sebelum dihantar untuk ditimbang bersama muatan.

[33] Apapun, sebelum mahkamah mempertimbangkan sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes *prima facie* adalah perlu untuk memastikan sama ada pertuduhan yang dirangka terhadap perayu menepati kehendak s. 63(1) APJ. Whitley, AG CJ di dalam kes *PP v. Lee Pak* [1937] 1 LNS 48; [1937] MLJ 265:

> Before dealing with the evidence I would like to make some observations upon the subject of the framing of charges. I have had to deal with a number of criminal appeals lately, and I have observed that in the several cases the charges have been carelessly drawn. Prosecuting officers should devote great care to this part of the preparation of their cases, studying and following the provisions of Chapter XVIII of the Criminal Procedure Code. It is seldom sufficient to copy the section under which the charge is being laid slavishly word for word. The wording must be adapted to the facts of the particular case. The charge should show the accused exactly and with particularity the case which he has to meet, and should not leave him guessing as to which of a variety of alternatives he is alleged to have offend against. It is desirable that before the charge is put to the accused the Magistrate should satisfy himself as to whether in his opinion it is on the face of it properly framed; and if at the close of the case for the prosecution or indeed at any other stage of the trial it becomes apparent to him from the evidence that the charge should be altered, section 158 of the Criminal Procedure Code gives him the power to alter it or to add to it at any time before judgment, provided always that such alteration

or addition is read to the accused. In the present case there were obvious defects on the fact of the charge. It did not alleged that the respondent was driving a motor vehicles which was an essential ingredient to constitute an offence under the section; it apparently alleged that the thoroughfare and not the vehicle was in a dangerous condition and it alleged that the steering was "similar" which is not a word which should appear in a formal charge. It was not suggested that these errors in wording in any way misled the accused, so that they are covered by section 156 of the Criminal Procedure Code which provides that such errors shall not be regarded as material. Prosecuting officers should nonetheless bear in mind that if it should appear to an appellate Court that an accused person was in fact misled, that will of itself justify the quashing of a conviction.

[34] Perlu diingat bahawa di dalam kes ini, pertuduhan ke atas perayu antara lainnya menyatakan "… telah menggunakan kenderaan tersebut di atas jalan raya dengan gagal mematuhi notis arahan timbang … ".

[35] Section 63(1) APJ memperuntukkan seperti berikut:

(1) It shall be lawful for any police officer authorised in writing in that behalf by a Chief Police Officer or a Commissioner of Police, any traffic warden authorised in writing in that behalf by the Dato Bandar or the Perbadanan Putrajaya, any road transport officer authorised in writing in that behalf by the Director General, any officer of the Public Works Department authorised in writing in that behalf by the Director General of Public Works or the State Director of Public Works, or any officer of the Highway Authority Malaysia authorised in writing in that behalf by the Director General to Highway Authority Malaysia, to require the person in charge of any motor vehicle to allow the motor vehicle to be weighed by such officer or any other person authorised to conduct weighing, either laden or unladen, and the weight transmitted to the road by any part of the motor vehicle in contact with the road to be tested and, for that purpose, forthwith to proceed to a weighing machine, and **if any person in charge of any motor vehicle refuses or neglects to comply with any such requirement**, or removes its load or any part thereof before such motor vehicle is duly weighed, he shall be guilty of an offence and shall on conviction be liable to a fine of not less than two thousand ringgit and not more than ten thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both.

(penekanan ditambah)

[36] Ternyata perkataan yang digunakan di dalam pertuduhan ke atas perayu tidak mematuhi kehendak peruntukan s. 63(1) APJ yang menjadikan suatu kesalahan sekiranya orang yang mengendalikan suatu kenderaan diarahkan untuk menjalani timbangan "enggan/refuses" atau "cuai/neglects" mematuhi notis yang dikeluarkan. Perkataan "gagal" sama sekali tidak ada di bawah peruntukan tersebut. Perkataan itu suatu ciptaan baharu yang diwujudkan oleh pihak pendakwaan dan bukannya berdasarkan peruntukan seksyen tersebut sebagaimana yang digubal oleh Parlimen.

[37] Pada keputusan saya, pihak pendakwaan tidak boleh dengan secara sewenang-wenang menukar ganti perkataan yang digunakan oleh statut berkait dengan bagaimana suatu kesalahan itu dikatakan telah dilakukan dengan perkataan lain, apatah lagi perkataan gantian itu membawa makna yang berbeza sekali dengan perkataan sebenar yang digunakan oleh statut.

[38] Perkataan "enggan/refuses" tidak ditakrifkan di dalam APJ. Begitu juga dengan perkataan "gagal/fail". Pada keputusan saya, kedua-dua perkataan itu membawa pengertian yang berbeza di mata undang-undang dan tidak boleh digunakan secara tukar ganti (interchangeably).

[39] *Black's Law Dictionary*, 7th edn mendefinisikan perkataan "fail" seperti berikut di ms. 613:

> fail, vb 1. To be deficient or unsuccessful, to fall short < they failed to settled the dispute>, 2. To become insolvent or bankrupt < two banks failed last week>. 3. To lapse < the bequest failed as a result of ademption >.

[40] Sementara perkataan "refuses" sebagaimana yang ditakrifkan di dalam *The Law Lexicon, The Encyclopaedia Law Dictionary with Legal Maxims, Latin Terms, Words, & Phrases*, 2nd edn (Extensively Revised and Enlarged) Reprint 2010 seperti berikut di ms. 1636:

> Refuse (verb) "The refuse as defined by the *Century Dictionary*, means to deny, as a request, demand, or invitation; to decline to accept; to reject, as to refuse an offer."

[41] Daripada definisi yang dipetik di atas "gagal" memperlihatkan terdapat usaha dibuat untuk melakukan sesuatu tindakan/perbuatan sebelum usaha itu menjadi tidak berhasil, sementara "enggan" bermaksud daripada awal seseorang yang dikehendaki atau diminta melakukan sesuatu perbuatan langsung tidak mahu melakukan apa yang diarahkan atau ditawarkan.

[42] Dengan itu, tindakan pihak pendakwaan menukar ganti perkataan yang digunakan di bawah s. 63(1) APJ daripada "enggan" kepada "gagal" telah mengubah peruntukan statut. Ini menjadikan pertuduhan yang dirangka terhadap perayu suatu pertuduhan yang tidak berasas serta langsung tidak dikenali di bawah s. 63(1) APJ. Sebagaimana yang diputuskan oleh Syed Agil Barakbah H di dalam kes *C Mohammad v. PP* [1973] 1 LNS 9; [1974] 1 MLJ 25 di ms. 26:

> Since the charge does not disclose any offence known to law, it is not necessary nor desirable for me to consider the provisions of the Criminal Procedure Code as urged by the learned deputy public prosecutor because there is an apparent miscarriage of justice.

[43] Kecacatan pertuduhan yang dirangka itu menjurus kepada teras kesalahan yang dikatakan dilakukan oleh perayu. Perayu telah dipertuduhkan dengan satu kesalahan yang tidak wujud (unknown to the law). Pertuduhan itu merupakan suatu nullity yang mewajarkan sabitan dan

hukuman yang dikenakan ke atas perayu diakaskan - lihat kes *Chong Chee Pak v. PP* [1948] 1 LNS 94; [1948-1949] Supp MLJ 45: dan juga kes Mahkamah Persekutuan *Tan Boon Hock v. PP* [1978] 1 LNS 194: [1979] 1 MLJ 236.

[44] Daripada rekod rayuan, saya selanjutnya mendapati kes pendakwaan ke atas perayu tidak terhenti di pertuduhan yang tidak sah. Ekshibit P2 jelas menunjukkan bahawa perayu diminta menghantar motolori itu untuk ditimbang muatannya pada jam 12 malam 3 September 2015, sedangkan perayu diberikan notis arahan timbang itu pada jam 11 malam, hari yang sama.

[45] Tiada siapa boleh mempertikaikan fakta bahawa pukul 12 tengah malam ialah waktu bermulanya hari yang baru, yakni tarikh 3 September 2015 bermula pada jam 12 tengah malam. Ini bermakna perayu diminta menghantar motolori itu untuk ditimbang pada masa yang telah berlalu 23 jam terdahulu! Adalah mustahil untuk perayu mematuhi arahan yang dikeluarkan terhadapnya. Sudah semestinya perayu tidak boleh kembara merentas waktu ke masa yang telah berlalu. Dengan itu, eks. P2 bukanlah merupakan suatu notis yang sah di bawah s. 63(1) APJ. Perkara ini tidak langsung dipertimbangkan oleh Puan Majistret yang terpelajar dan merupakan salah arahan melalui tidak ada arahan diri (non-direction) - lihat antara lain keputusan Mahkamah Rayuan di dalam kes-kes *P'ng Hun Sun v. Dato' Yip Yee Foo* [2013] 1 LNS 320; *Gooi Loo Seng v. PP* [1993] 3 CLJ 1; [1993] 2 AMR 1135); dan *Lim Pah Soon v. PP* [2013] 8 CLJ 800. Wajarlah mahkamah yang mendengar rayuan campur tangan bagi memperbetulkan suatu sabitan yang tidak selamat.

[46] Berdasarkan alasan-alasan yang dibentangkan di atas, terang lagi nyata bahawa perayu tidak sepatutnya dipanggil membela diri terhadap pertuduhan yang dikenakan terhadapnya. Ternyata, pihak pendakwaan telah gagal membuktikan suatu kes *prima facie* terhadap perayu - lihat kes-kes *Khoo Boo Gong v. William Manson-Hing* [1948-1949] Supp MLJ 27, *Dato' Yap Peng v. PP* [1993] 2 CLJ 181; [1993] 1 MLJ 337, *Chee Chi Tiam v. PP* [1981] CLJ 88; [1981] CLJ (Rep) 115; [1982] 1 MLJ 88 at 90, *Hairani Sulong v. PP* [1993] 2 CLJ 79 at p. 81, *Lim Hock Boon v. PP* [2007] 4 CLJ 114; [2007] 1 MLJ 46 at p. 49, *Mohd Johi Said & Anor v. PP* [2005] 1 CLJ 389; [2005] 5 MLJ 409, [2004] 6 AMR 825, *PP v. Abang Abdul Rahman* [1981] 1 LNS 169; [1982] 1 MLJ 346 at p. 348, *Lim Kheak Teong v. PP* [1984] 2 CLJ 219; [1984] 1 CLJ (Rep) 207; [1985] 1 MLJ 38, *PP v. Kon Chiang Fatt* [2003] 8 CLJ 572; [2003] 5 MLJ 519, [2003] 3 AMR 414).

[47] Dengan penemuan saya ini tidaklah perlu lagi dipertimbangkan pembelaan yang dikemukakan oleh perayu.

[48] Natijahnya, sabitan dan hukuman yang dijatuhkan oleh Puan Majistret terpelajar diakaskan. Perayu dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan. Denda yang dibayar dikembalikan kepada perayu.